

# Bekas tentera perlu bantuan

**JOHOR BAHRU** - Akibat kesempitan wang, seorang bapa yang juga bekas anggota tentera laut, di sini, terpaksa bergantung sepenuhnya kepada bantuan berjumlah RM600 sebulan untuk membesarkan empat anaknya yang masih bersekolah dan sedang melanjutkan pengajian.

Tambah memilukan apabila anak sulungnya yang berusia 27 tahun menghidap cerebral palsy sejak dilahirkan akibat kelahiran pra-matang.

Amran Jabar, 53 berkata, sejak kematian isterinya dia tidak bekerja kerana menjaga anak sulungnya, Nur Azlin yang terlantar.

“Selepas berhenti berhenti kerja saya menjual sarapan pagi bersama isteri tetapi selepas dia diserang kanser pada 2008 saya bekerja sebagai pengawal keselamatan.

“Kemudian saya berhenti lagi kerja pada 2012 selepas kematian isteri bagi menguruskan anak sulung kerana anak ketiga yang menjaganya sebelum ini iaitu Nur Azlin terima tawaran melanjutkan pengajian di Melaka,” katanya kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.

Menurutnya, anak keduanya yang berusia 26 tahun kini berada di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) manakala anak bongsunya kini berada di tingkat empat.

Katanya, dia bergantung sepenuhnya pada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal berjumlah RM600 sebulan untuk menampung keperluan mereka sekeluarga.

“Saya sering kesempitan wang hingga banyak berhutang dengan kawan-kawan malah sebelum ini juga rumah saya hampir dilelong kerana tidak mampu menjelaskan ansuran bulanan sebanyak RM123 tetapi berjaya diselesaikan dengan bantuan bandan bukan kerajaan (NGO).

“Saya bukan suka-suka untuk berhenti bekerja tetapi keadaan yang mendesak dan yang paling utama saya mahu pastikan anak-anak saya berjaya dalam pelajaran mereka,” katanya.

Amran berkata, akibat kesempitan hidup mereka sekeluarga tidak pernah membuat persiapan Syawal.

Sementara itu, Pengerusi Pusat Peduli Rakyat Puteri Wangsa, Suhaizan Kayat berkata, pihaknya akan memberi tumpuan bagi membantu meningkatkan kemahiran Amran agar dia dapat



Suhaizan (kanan) ketika menziarahi Amran (kiri) dan anaknya yang menghidap cerebral palsy.

**INFO**

● Sumbangan boleh disalurkan ke akaun BSN bernombor

0114941000042932 atas nama Amran Jabar atau hubunginya di talian 019-7285174

menjana pendapatan sendiri secara sambilan di rumah.

“Amran mempunyai kemahiran mengukir seperti membuat parang, pisau, senjata tajam, pemanis rumah, hiasan rumah, sangkar burung dan hasil kerja tangannya sangat halus.

Malangnya dengan kekangan kesesuaian tempat dan modal menyebabkan kemahirannya tidak mampu digunakan,” katanya.